

24 MAR 1996

Lapangan Terbang

PERAK CADANG BINA LAPANGAN TERBANG DI KERIAN

TAIPING, 24 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri Perak akan mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya sebuah lapangan terbang antarabangsa dibina di daerah Kerian, dekat sini, bagi menggantikan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di Pulau Pinang.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata kawasan estet seluas 2,800 hektar di Kerian sudah dikenalpasti bagi tujuan itu.

"Lapangan terbang antarabangsa di Pulau Pinang boleh dipindahkan ke Kerian bagi mengurangkan kesesakan di situ sekarang dan tanah yang ada itu boleh digunakan untuk tujuan lain yang lebih bernilai," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat ke projek bandar bersepadu Tasik Bukit Merah, di sini, lewat petang semalam.

Ramli berkata pembinaan lapangan terbang di Kerian itu bersesuaian dengan kedudukannya yang dapat memberi faedah kepada negeri-negeri di utara Semenanjung serta Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT).

Katanya Perak, Kedah dan Pulau Pinang telah membuat cadangan untuk meletakkan tapak kawasan lapangan terbang antarabangsa yang baru itu di negeri masing-masing.

"Sekiranya lapangan terbang itu dibina di Kerian, kawasan sekitar Kubu Gajah, Selama, selatan Pulau Pinang dan Kedah dapat dibangunkan bersama," katanya.

Ramli berkata kos pembinaan lapangan terbang di Kerian lebih rendah berbanding di tempat lain berikutan kos pengambilan tanah yang murah serta infrastruktur sedia ada yang lengkap seperti jalan kereta api, jalan persekutuan dan lebuh raya.

Selain itu, beliau berkata kerajaan negeri Perak juga mencadangkan supaya lebuh raya baru yang akan dibina antara Banting dan Taiping diteruskan hingga kawasan di Selama dan sempadan Kedah.

Katanya, pembinaan lebuh raya di situ dapat membangunkan daerah sekitar sempadan Perak dan Kedah seperti Selama, Serdang, Kubu Gajah dan Baling. --

BERNAMA

RAZ AKD